

**UJIAN DIAGNOSTIK 2 SPM 2021
TINGKATAN 5 2021**

PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 2
November 2021
2 1/2 jam

3756/2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan pada setiap helaian jawapan yang digunakan untuk menulis jawapan.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

1. (a) Situasi berikut dihadapi oleh Encik Rusli pemilik Kedai Kraftangan Rusli.
- (i) Encik Rusli sedang memikirkan sama ada membesarkan kedainya atau membuka satu cawangan baru.
Nyatakan prinsip, andaian atau batasan perakaunan yang dipatuhi.
- (ii) Encik Rusli merekod bayaran insurans peribadinya ke dalam Akaun Insurans.
Nyatakan andaian perakaunan yang **tidak dipatuhi**. [2 markah]

- (b) Apakah kesan urus niaga berikut terhadap persamaan perakaunan.

2021
September 8 Mengambil tunai RM600 untuk kegunaan peribadi.

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perakaunan Zira Trading.

2021		RM
Mac 1	Baki Akaun Belum Terima	2 450
31	Menerima cek daripada Akaun Belum Terima (termasuk hutang lapuk terpulih RM200)	6 500
	Baki Akaun Belum Terima	890

Hitung jualan kredit. [2 markah]

- (d) Beri 2 nisbah kecairan dalam analisis penyata kewangan. [2 markah]

- (e) Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perakaunan Kedai Buah Lazat yang menjalankan perniagaannya di R&R Ayer Keroh.

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Aset	24 000	46 000
Liabiliti	11 000	35 000

Hitung untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

[2 markah]

2. Fazz Detect Sdn Bhd adalah pengeluar Kit Ujian Kendiri Covid 19 terletak di Bandar Scientex Durian Tunggal, Melaka yang telah memulakan operasi pada 1 Ogos 2020. Berikut adalah baki-baki yang diperolehi daripada buku-buku perniagaan tersebut pada 31 Julai 2021.

	RM
Loji dan mesin (kos)	40 000
Lengkapan	27 800
Premis	120 000
Modal	80 000
Bank	59 000
Iklan dan promosi	3 970
Komisen jualan	1 500
Angkutan keluar	3 200
Utiliti	4 800
Insurans	5 000
Belian alat-alat kecil	1 200
Upah tak langsung	10 600
Gaji operator kilang	56 900
Belian bahan langsung	105 877
Pulangan belian bahan langsung	6 300
Jualan barang siap	233 450

Maklumat tambahan pada 31 Julai 2021:

- (i) Inventori:

	RM
Bahan langsung	8 390
Barang siap	5 780
Alat-alat kecil	950

- (ii) Kerja dalam proses:

	RM
Bahan langsung	6 730
Buruh langsung	3 800
Overhed	8 400

- (iii) Bayaran bagi reka bentuk produk RM1 500 terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.

- (iv) Pemilik telah menerima Nota Debit dari pembekal memaklumkan bahawa caj angkutan belian bahan langsung RM800 belum diambil kira.
- (v) Utiliti diagihkan antara kilang dan pejabat pada kadar 2 : 1.
- (vi) Gaji operator kilang termasuk gaji kerani pejabat berjumlah RM2 000.
- (vii) Insurans prabayar ialah RM500. 70% daripada insurans adalah untuk kilang dan bakinya untuk pejabat.
- (viii) Komisen jualan yang masih belum diterima berjumlah RM200.
- (ix) Kaedah pengiraan susut nilai diperuntukan seperti berikut:

Aset	Kadar	Kaedah
Lengkapan	10%	Ansuran tetap
Loji dan mesin	20%	Baki berkurangan

- (x) Agihan perbelanjaan bagi susut nilaiengkapan kilang ialah 60%.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2021. [16 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021. [9 markah]

3. Aira, pemilik perniagaan menjual makanan binatang peliharaan Aira Pet Food. Berikut merupakan maklumat yang telah diperolehi daripada buku-buku perniagaannya pada 30 November 2020.

	RM
Modal	80 000
Premis	136 000
Bank	(18 760)
Tunai	6 530
Kadar bayaran	5 582
Akaun Kawalan Belum Bayar	34 640
Akaun Kawalan Belum Terima	29 600
Inventori pada 1 Disember 2019	27 488
Ambilan	5 800
Sewa diterima	6 300
Belian	118 040
Jualan	266 850
Perabot	38 080
Peruntukan Hutang Ragu	430
Belanja am	10 560
Pinjaman	40 000
Susut nilai Terkumpul Perabot	4 016
Gaji	68 450
Faedah atas pinjaman	2 400
Angkutan masuk	916
Pulangan jualan	250
Hutang lapuk	1 300

Maklumat tambahan:

- (i) Penilaian pada 30 November 2020:
- a. Inventori RM35 000.
 - b. Premis RM122 400.

(ii) Polisi susut nilai:

Aset Bukan Semasa	Kadar setahun dan kaedah susut nilai
Perabot	10 % atas kos
Premis	Penilaian semula

- (iii) Perabot bernilai RM18 000 dibeli pada 1 Ogos 2020.
- (iv) Gaji belum bayar RM3 200.
- (v) Belanja am terlebih bayar sebanyak RM800.
- (vi) Sewa diterima termasuk sewa bulanan untuk Disember 2019 dan Januari 2020.
- (vii) Hutang Lapuk Terpuhli sebanyak RM1 500 diterima.
- (viii) Peruntukan Hutang Ragu ditetapkan 2% atas Akaun Belum Terima.
- (ix) Pinjaman bank RM60 000 telah diluluskan pada 1 Disember 2019 dengan tempoh bayaran balik selama 72 bulan. Faedah atas pinjaman dikenakan sebanyak 8% setahun.
- (x)

MEMO
Tarikh:30 November 2020
Kepada: Kerani akaun
<u>SUMBANGAN MAKANAN KEPADA RUMAH ANAK- ANAK YATIM</u>
Mulai bulan Mei 2020 pemilik telah menggunakan duit peribadi RM400 untuk membayar perkhidmatan FoodPanda bagi tujuan tersebut.Tolong rekodkan urus niaga ini.
Aira Pengurus

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 November 2020. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 November 2020. [12 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja.

4. Ahmad dan Ravi merupakan rakan kongsi Butik Amore yang beroperasi di Bandar Melaka. Disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang berterusan, Butik Amore memerlukan modal yang lebih untuk terus beroperasi.

Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perakaunan Butik Amore pada 30 Jun 2021.

	RM
Baki pada 1 Julai 2020	
Modal Ahmad	40 000
Modal Ravi	50 000
Akaun Semasa Ahmad	(1 500)
Akaun Semasa Ravi	2 200
Maklumat pada 30 Jun 2021	
Bank	28 530
Akaun Belum Terima	3 840
Akaun Belum Bayar	1 200
Ambilan Ahmad 1 Julai 2020	10 000
Ambilan Ahmad 31 Disember 2020	5 000
Ambilan Ravi 1 Julai 2020	15 000
Gaji Ahmad	13 000
Gaji Ravi	12 000
Gaji pekerja	18 000
Bonus Ahmad	2 000
Bonus Ravi	3 000
Pinjaman dari Ahmad	20 000
Faedah atas pinjaman Ahmad	300
Komisen diterima	1 234
Inventori akhir	25 100
Untung bersih	69 140

Ikatan Perkongsian Butik Amore menetapkan perkara-perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagi sama rata.
- (ii) Faedah atas modal 5% setahun atas modal akhir.
- (iii) Faedah atas ambilan 4% setahun.
- (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
- (v) Setiap pekongsi menerima gaji bulanan RM1 000.

Maklumat tambahan:

- (a) Gaji pekerja RM1 000 telah tersilap masuk ke dalam Bonus Ravi.
- (b) Ravi membawa masuk modal RM5 000 pada 1 Januari 2021.
- (c) Ahmad memberi pinjaman kepada Butik Amore pada 1 Januari 2021.
- (d) Butik Amore menerima sekeping cek RM1 200 daripada seorang Akaun Belum Terima yang telah dihapuskan pada tahun 2019.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pelarasan Untung Bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [4 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [9 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi [7 markah]

5. Kelab Kembara Taman Jati telah ditubuhkan pada tahun 2019 di Batu Berendam, Melaka. Ia bertujuan memberi perkhidmatan dan menjaga kebajikan ahlinya.

Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perakaunan kelab pada 1 November 2020.

	RM
Tunai di bank	60 890
Alatan sukan (kos)	8 550
Yuran belum terima	625
Yuran belum terperoleh	300
Lengkapan pejabat (kos)	10 280
Bangunan kelab (kos)	70 000
Inventori kiosk	1 450

Penerimaan dan pembayaran kelab bagi tahun berakhir 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

Penerimaan:	RM
Yuran ahli	8 550
Yuran pertandingan ping pong	2 250
Kutipan derma untuk pembinaan bangunan tambahan	25 000
Jualan kiosk	18 460

Pembayaran:	RM
Lesen kiosk	480
Upah pekerja kiosk	7 000
Belian kiosk	8 300
Honorarium	2 400
Hadiah pertandingan ping pong	2 000
Pengadil pertandingan ping pong	800
Derma dan sumbangan	1 350
Utiliti	3 925
Belanja am	870

Maklumat tambahan:

- (i) Susut nilai alatan sukan adalah 10% setahun atas kos.
- (ii) Lengkapan pejabat dibeli pada 1hb November 2019 dengan usia guna selama 5 tahun. Nilai skrap lengkapan RM1 280.
- (iii) Pada 31 Oktober 2021, yuran ahli berjumlah RM540 telah diterima untuk November 2021.
- (iv) Yuran sehingga 31 Oktober 2021 sebanyak RM215 tidak dapat dikutip dan dianggap lapuk.
- (v) Yuran masuk sebanyak RM1 500 telah tersalah rekod ke dalam yuran ahli.
Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan modal.
- (vi) Upah pekerja kiosk adalah RM500 sebulan.
- (vii) Inventori kiosk pada 31 Oktober 2021 dinilai RM3 460.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli. [5 markah]
- (b) Akaun Perdagangan Kiosk bagi tahun berakhir 31 Oktober 2021. [5 markah]
- (c) Penyata mengira untung pertandingan rugi ping pong. [2 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2021. [8 markah]

- 6(a) Puan Melati, pemilik Melati Enterprise menjalankan perniagaan kedai cenderamata. Perniagaannya terkesan dalam situasi pandemik Covid-19. Puan Melati membuat keputusan untuk meminjam wang bernilai RM60 000 pada Januari 2022 dibawah Skim Bantuan Usahawan Kecil. Sebagai syarat untuk kelulusan pinjaman tersebut, beliau diminta membuat perancangan berkenaan penerimaan dan pembayaran tunai untuk tiga bulan berakhir 31 Disember 2021.

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan perniagaannya:

- i. Baki pada 1 Oktober 2021.

	RM
Tunai	3 050
Tunai Runcit	450
Bank	25 000
Perabot	10 000

- ii. Anggaran jualan bulan Oktober berjumlah RM40 000. Jualan dijangka bertambah sebanyak 5% dan 10% masing – masing pada bulan November dan Disember. 30% daripada jualan adalah secara kredit dengan tempoh kredit adalah dua bulan.
- iii. Anggaran belian:

Oktober	November	Disember
RM18 000	RM19 800	RM21 700

- iv. Pada bulan November, perniagaan bercadang membeli sebuah kenderaan terpakai bernilai RM40 000. Perniagaan membayar deposit sebanyak RM8 000 dan bakinya dibayar untuk tempoh 10 bulan bermula Disember.
- v. Beliau dibantu tiga orang pekerja yang dibayar gaji bulanan masing – masing RM1 200, RM1 450 dan RM2 100 setiap seorang.
- vi. Anggaran perbelanjaan bulanan adalah seperti berikut:

	RM
Belanja am	500
Utiliti	2 300

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Disember 2021.

[14 markah]

6(b) Pada 1 Julai 2021, Syarikat NEZ Berhad menerbitkan 1 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM 1.00 sesyer kepada orang awam. Pada 15 Julai 2021, semasa tarikh tutup permohonan, jumlah wang yang diterima berjumlah RM1 650 000. Pada 20 Julai 2021, syarikat telah bersetuju untuk memulangkan semula wang lebihan langganan kepada pemohon yang tidak berjaya.

Anda dikehendaki Merekod terbitan Syer Biasa dalam Jurnal Am.

(keterangan tidak diperlukan)

[6markah]

KERTAS SOALAN TAMAT